

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum Anda memutuskan untuk menyertai i-Medic. Sila pastikan juga Anda membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (935955-M)

i-Medic

July 23, 2018

1. Apakah produk ini?

i-Medic menawarkan pembayaran balik ke atas perbelanjaan perubatan bagi kemasukan hospital dan kos pembedahan yang ditanggung. Ia menawarkan perlindungan untuk Orang Dilindungi sehingga mencapai umur 99 tahun. Selain itu, pelan ini juga menawarkan faedah tiada had seumur hidup¹ untuk perbelanjaan perubatan bagi kemasukan hospital dan pembedahan yang ditanggung.

¹Had Tahunan terus diterima pakai.

2. Apakah konsep Syariah yang diaplikasikan?

Tabarru' - amaun yang ditolak daripada Caruman yang dibayar pada perkadaran yang telah ditetapkan dan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta sebagai derma bagi tujuan saling membantu antara Peserta-peserta yang memerlukannya.

Wakalah - adalah kontrak di antara Peserta dan Pengendali Takaful, di mana Peserta memberi kuasa kepada Pengendali Takaful untuk menjalankan urusan bisnes Takaful bagi pihak Peserta. Pengendali Takaful akan mengambil sebahagian daripada Caruman Peserta sebagai Yuran Wakalah untuk perkhidmatan ini.

Al-Qard Al-Hasan - adalah pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Pengendali Takaful untuk Dana Risiko Peserta sekiranya berlaku defisit untuk membenarkan ia membayar faedah(-faedah) Takaful untuk Peserta yang layak. Jumlah ini akan diambil pulih daripada Lebihan masa hadapan sebelum pendedahan.

Ju'alah - Pengendali Takaful berhak memperoleh sehingga 50% daripada lebihan dari Dana Risiko Peserta sebagai *Ujrah* (yuran prestasi) bagi mengendalikan dana tersebut dengan efisien dan menyebabkan lebihan.

3. Apakah perlindungan / faedah yang disediakan?

Produk ini melindungi:

Faedah	Penerangan	Amaun yang akan dibayar
Faedah Kemasukan Hospital dan Pembedahan*:	Bilik Penginapan Hospital:	AM150
	Faedah Yuran Pembedahan:	Caj Munasabah dan Biasa tertakluk kepada Ko-
	Bayaran balik kos perubatan sehingga:	
	▪ Had Tahunan	RM 90,000
	▪ Had Keseluruhan Seumur Hidup	Tidak Berkenaan
	Khairat kematian	

Tempoh perlindungan: Sehingga Orang Dilindungi mencapai umur 99 tahun atau penamatan Sijil Takaful, yang mana terdahulu.

Peringatan: Jumlah Caruman akan meningkat dengan peningkatan umur Orang Dilindungi. Sila rujuk kepada risalah bagi Caruman Tahunan umur tercapai yang berbeza.

Nota: Untuk keterangan faedah yang sepenuhnya, sila rujuk kepada Brosur Produk dan Sijil Takaful.

4. Berapakah jumlah Caruman yang harus saya bayar?

Jumlah Caruman yang harus Anda bayar dan terma-terma Sijil mungkin berubah bergantung kepada keperluan pengunderaitan Kami.

Anggaran Caruman Bulanan yang harus Anda bayar bagi umur tercapai 45 tahun adalah:	RM 80.42
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) (dikira pada kadar 0% di atas Caruman Bulanan) adalah:	RM 0.00
Anggaran Amaun Bulanan yang perlu Anda bayar (termasuk GST, jika ada) adalah:	RM 80.42

Tempoh Caruman: Perlu dibayar sehingga Orang Dilindungi mencapai umur 99 tahun atau penamatan Sijil Takaful, yang mana terdahulu.

Produk-produk / rider-rider Takaful Perubatan dan Kesihatan menyediakan faedah-faedah seperti Penyakit Kritikal, dan Penghospitalan dan Pembedahan. Kadar Caruman dan *Tabarru'* untuk Takaful Perubatan dan Kesihatan tidak dijamin dan kami berhak menyemak semula kadar pada waktu pembaharuan. Salah satu faktor yang menyumbang kepada kenaikan kadar Caruman dan *Tabarru'* adalah pengalaman tuntutan keseluruhannya. Faktor-faktor lain juga boleh menyebabkan kadar Caruman dan *Tabarru'* disemak semula semasa pembaharuan dan dalam keadaan-keadaan lain yang dibenarkan. Jika semakan dilakukan, kami akan menghantar notis secara bertulis, sembilan puluh (90) hari sebelum semakan tersebut dilakukan. Trend kenaikan kadar Caruman dan *Tabarru'* pada masa yang lepas tidak semestinya menggambarkan trend pada masa akan datang.

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

- Yuran *Wakalah* ditolak terdahulu sebagai peratusan Caruman untuk membayar: Lain-lain perbelanjaan untuk i-Medic termasuk Duti Setem sebanyak RM 10.
- Selepas ditolak Yuran *Wakalah*, semua Caruman dibayar akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta sebagai *Tabarru'* bagi tujuan memberi perlindungan dan menepati tuntutan ke atas kejadian / risiko yang dilindungi di bawah Sijil Takaful. *Tabarru'* yang dipotong akan meningkat mengikut umur Anda.
- Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan pada kadar semasa di atas jumlah Caruman yang dibayar pada kadar semasa, kini pada 0%.

Caruman adalah berbeza bergantung kepada umur tercapai, jenis pelan, dan kelas pekerjaan. Caruman untuk i-Medic adalah tidak terjamin dan Pengendali Takaful berhak untuk mengubah Caruman dengan memberi notis bertulis 3 bulan sebelum perubahan kepada Anda sebelum Ulang Tahun Sijil berikutnya.

Tahun Sijil	Caruman Tahunan (RM)	Yuran <i>Wakalah</i> :		(i) Komisen		(ii) Perbelanjaan Lain		<i>Tabarru'</i> (RM)	Amaun GST (jika ada) 0% daripada Caruman (RM)	Jumlah Caruman Tahunan (termasuk GST, jika ada)	Umur pada akhir Tahun Sijil
		% daripada Caruman	(RM)	% daripada Caruman	(RM)	% daripada Caruman	(RM)				
1	965.00	50	482.50	30	289.50	20	193.00	482.50	0.00	965.00	46
2	1,247.00	45	561.15	10	124.70	35	436.45	685.85	0.00	1,247.00	47
3	1,247.00	40	498.80	10	124.70	30	374.10	748.20	0.00	1,247.00	48
4	1,247.00	35	436.45	10	124.70	25	311.75	810.55	0.00	1,247.00	49
5	1,247.00	35	436.45	10	124.70	25	311.75	810.55	0.00	1,247.00	50
6	1,247.00	35	436.45	10	124.70	25	311.75	810.55	0.00	1,247.00	51
7	1,387.00	35	485.45	0	0	35	485.45	901.55	0.00	1,387.00	52
8	1,387.00	35	485.45	0	0	35	485.45	901.55	0.00	1,387.00	53
9	1,387.00	35	485.45	0	0	35	485.45	901.55	0.00	1,387.00	54
10	1,387.00	35	485.45	0	0	35	485.45	901.55	0.00	1,387.00	55
11	1,387.00	30	416.10	0	0	30	416.10	970.90	0.00	1,387.00	56
12	2,148.00	30	644.40	0	0	30	644.40	1,503.60	0.00	2,148.00	57
13	2,148.00	30	644.40	0	0	30	644.40	1,503.60	0.00	2,148.00	58
14	2,148.00	30	644.40	0	0	30	644.40	1,503.60	0.00	2,148.00	59
15	2,148.00	30	644.40	0	0	30	644.40	1,503.60	0.00	2,148.00	60
16	2,148.00	5	107.40	0	0	5	107.40	2,040.60	0.00	2,148.00	61
17	3,576.00	5	178.80	0	0	5	178.80	3,397.20	0.00	3,576.00	62
18	3,576.00	5	178.80	0	0	5	178.80	3,397.20	0.00	3,576.00	63
19	3,576.00	5	178.80	0	0	5	178.80	3,397.20	0.00	3,576.00	64
20	3,576.00	5	178.80	0	0	5	178.80	3,397.20	0.00	3,576.00	65

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut mengenai yuran-yuran dan caj-caj di bawah produk ini.

6. Apakah item yang tertakluk kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan?

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan ke atas jumlah Caruman yang perlu dibayar pada kadar semasa, ketika ini 0%.

7. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

Umum

- Kepentingan pendedahan** – Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur Anda dengan
- Tempoh Percubaan** - Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Anda dengan memulangkan Sijil Takaful Anda bersama dengan notis bertulis yang ditandatangani oleh Anda kepada kami. Notis dan Sijil Takaful tersebut mesti diterima oleh kami dalam tempoh 15 hari selepas Anda menerima Sijil Takaful tersebut. Kami akan memulangkan Caruman yang telah Anda bayar, ditolak sebarang yuran perubatan.
- Tempoh Ihsan** - Anda diberi Tempoh Ihsan selama 31 hari dari tarikh genap tempoh bagi pembayaran setiap Caruman berikutnya. Jika Caruman masih tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan ini, Sijil Takaful ini mungkin luput, tertakluk kepada nilai akaun Peserta Sijil.
- Prosedur Tuntutan** - Borang tuntutan boleh diperolehi dari mana-mana cawangan AIA atau dengan menghubungi Customer Contact Kami di 1-300-88-8922. Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang faedah. Sekiranya tuntutan kematian, adalah dinasihatkan untuk memberitahu Kami dengan segera.

Untuk Takaful Perubatan dan Kesihatan

- Tempoh tangguh untuk Faedah Kemasukan Hospital dan Pembedahan:
 - 120 hari untuk perubatan atau pembedahan kerana tonsil, adenoid, hernia atau penyakit yang berkaitan dengan organ-organ pembiakan wanita;
 - 60 hari untuk Perubatan Kanser Pesakit Luar;
 - 30 hari untuk Rawatan Pesakit Luar bagi Dialisis Buah Pinggang;
 - 30 hari untuk kemasukan hospital atau pembedahan disebabkan oleh semua penyakit lain;
- Ko-Takaful - anda bertanggungjawab terhadap sebahagian daripada perbelanjaan layak seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Faedah di dalam Sijil Takaful. Amaun Ko-takaful adalah yang mana lebih rendah antara:
 - RM 3,000 setiap Tahun Sijil; atau
 - 10% daripada perbelanjaan layak
 Lebihan dari perbelanjaan layak akan ditanggung sepenuhnya oleh Kami.
- Bilangan maksimum Anak-anak Tanggungan yang boleh dilindungi di bawah Sijil ini adalah terhad kepada 4 orang anak.
- Melainkan diperbaharui, perlindungan ini akan terhenti pada tarikh tamat tempoh dan Pengendali Takaful sepenuhnya tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa perbelanjaan yang berlaku selepas tarikh tamat tempoh.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah produk ini.

8. Apakah pengecualian penting di dalam Sijil?

Faedah Penghospitalan dan Pembedahan

- Penyakit sedia ada;
- Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud semasa lahir, serta keabnormalan fizikal neo-natal;
- Sebarang Ketidakupayaan yang disebabkan oleh kemusnahan sendiri atau kemusnahan sendiri yang dirancang atau sebarang percubaan kemusnahan diri semasa sedar atau tidak;
- Peperangan yang diisytiharkan atau tidak, serangan, rusuhan-rusuhan, perang saudara, revolusi atau mana-mana operasi ganas;
- Perkhidmatan dalam pasukan bersenjata dalam tempoh peperangan yang diisytiharkan atau tidak atau di bawah perintah untuk operasi ganas atau pemulihan ketenteraman awam;
- Sebarang pelanggaran atau percubaan melanggar undang-undang atau mengelak diri dari ditangkap pihak berkuasa;
- Kehamilan, keguguran atau kelahiran anak;
- Gangguan urat saraf atau mental, rawatan alkoholisme, atau penyalahgunaan dadah atau mana-mana komplikasi lain;
- Pembedahan kosmetik atau plastik atau mana-mana Pembedahan elektif;
- Sebarang bentuk rawatan pergigian atau Pembedahan melainkan diperlukan disebabkan kecederaan tetapi tidak termasuk penggantian gigi asli, penggunaan gigi palsu dan perkhidmatan seperti "bridges" dan "crowns" atau penggantian mereka;
- Pemeriksaan kesihatan biasa, apa-apa penyiasatan yang tiada kaitan dengan diagnosis kemasukan atau Ketidakupayaan;
- Rawatan atau siasatan yang mana bukan Keperluan Kesihatan;
- Mana-mana keadaan fizikal atau perubatan yang timbul di dalam 30 hari pertama dari Tarikh Penyertaan atau Permulaan rider yang berkaitan yang mana terkemudian kecuali Kecederaan yang Dilindungi;
- Rawatan atau Pembedahan untuk tonsil, adenoid, hernia atau penyakit khusus bagi organ generatif wanita sehingga Orang Dilindungi telah secara berterusan dilindungi di bawah Sijil ini untuk tempoh 120 hari sebelum rawatan atau Pembedahan tersebut;
- Perbelanjaan perubatan yang perlu dibayar oleh mana-mana undang-undang, program perubatan atau Pengendali Takaful lain;
- Rawatan luar negara jika Orang Dilindungi tinggal atau membuat perjalanan ke luar Malaysia melebihi 90 hari berturut-turut;
- Pengecualian yang berikut hanya boleh digunakan untuk Faedah Rawatan Kanser Pesakit Luar:
 - (a) Semua kanser yang diklasifikasikan secara histologi sebagai pra-malignan, tidak invasif; karsinoma in situ; berada di pinggir malignan atau malignan yang berpotensi rendah;
 - (b) Semua tumor prostat, kelenjar gondok dan kandung kemih diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
 - (c) Leukemia Lymphocytic kronik kurang daripada RAI tahap 3;
 - (d) Semua kanser dalam kehadiran HIV;
 - (e) Semua kanser kulit kecuali melanoma malignan.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah produk ini.

9. Bolehkan saya membatalkan Sijil saya?

Menyertai produk Takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Jika Anda tidak membayar Caruman Anda dalam Tempoh Ihsan, Sijil Takaful Anda mungkin akan luput. Amaun tunai yang akan dibayar apabila Anda membatalkan Sijil Takaful sebelum tempoh matang mungkin kurang daripada jumlah Caruman yang telah Anda bayar.

- (a) Pembatalan sebelum Sijil Takaful dikeluarkan - Ia boleh dibuat melalui panggilan telefon.
- (b) Pembatalan dalam Tempoh Percubaan - Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Anda secara bertulis dan memulangkan Sijil Takaful Anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penerimaan Sijil Takaful Anda. Kami akan membayar balik kepada Anda Caruman yang telah dibayar.
- (c) Penyerahan selepas Tempoh Percubaan - Anda boleh, pada bila-bila masa semasa hayat Orang Dilindungi dan semasa Sijil Takaful berkuat kuasa, menyerahkan Sijil Takaful ini dengan mengembalikan Sijil Takaful dan memberikan notis bertulis kepada Kami.

Ketika Penyerahan, Nilai Serahan akan dibayar kepada iaitu pemulangan bahagian Caruman yang belum terpakai daripada Dana Risiko Peserta dan Dana Pengendali dengan syarat Anda belum membuat tuntutan sepanjang Tahun Sijil semasa. Ini tidak digunapakai untuk pembayaran secara

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan saya bertukar?

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kami sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi Anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada Anda dalam tempoh yang sepatutnya.

11. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Mengenai i-Medic

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai i-Medic, Anda boleh menghubungi Wakil Bank yang diberi kuasa atau Customer Contact Kami di 1-300-88-8922.

Mengenai Takaful Keluarga

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga dan Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* bertajuk "Takaful Keluarga" dan "Takaful Perubatan dan Kesihatan". Anda boleh mendapatkan salinan buku kecil tersebut dari Wakil Bank yang diberi kuasa atau kunjungi www.insuranceinfo.com.my.

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (935955-M)
99 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Customer Contact: 1-300-88-8922
Fax: 603-2056 3690
E-mail: my.customer@aiapublic.com.my

AIA PUBLIC Takaful Bhd. didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

12. Lain-lain jenis perlindungan Takaful perubatan dan kesihatan yang disediakan

Sila hubungi Kami / Wakil Bank yang diberi kuasa / perantara untuk pelan-pelan lain yang serupa yang Kami tawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN TERPILIH ADALAH YANG TERBAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL BANK YANG DIBERI KUASA ATAU HUBUNGI KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH LANJUT.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SATU KONTRAK TAKAFUL. SIJIL TAKAFUL AKAN SENTIASA DITERIMA PAKAI.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah sehingga

July 23, 2018